

# Lambakan kereta import jejaskan pasaran Proton

Oleh AZMAN ISMAIL

**P**UTRAJAYA 25 Mei — Penasihat Proton Holdings Bhd., Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini berpendapat kemasukan kereta import tanpa kawalan akan memberi kesan besar kepada industri automotif tempatan.

Katanya, dasar kerajaan yang terlalu terbuka terhadap pasaran kereta luar juga akan menyebabkan pasaran kereta tempatan, Proton semakin merudum.

“Kita bukan takut bersaing tetapi apa yang kita bimbangkan ialah pengimportan terlalu terbuka dan tidak ada kawalan akan menjejaskan pasaran kereta Proton.

“Agak malang, kereta dari negara-negara yang sama sekali tidak membenarkan pasaran Proton juga dibawa masuk. Jadi sangat penting untuk atasi masalah ini sebab di Malaysia, kita dapat jumpa apa sahaja jenis kereta luar,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Seminar Perekayasaan Sosial di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, mekanisme kemasukan kereta-kereta luar negara perlu diubah untuk memberi peluang kepada pemasaran kereta keluaran Proton.

Berdasarkan statistik

Ulm-26/5/rws: 4

terakhir kereta Proton walaupun ia hanya menguasai 40 peratus pasaran kereta tempatan berbanding dengan 80 peratus sebelum ini, namun ia berjaya menjual 480,000 unit kenderaan setahun.

Bagaimanapun, ketika menguasai 80 peratus pasaran kereta dalam negeri, Proton hanya menjual sekitar 200,000 unit kereta setahun.

## Menguasai

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, duti import yang masih rendah menyebabkan rakyat negara ini masih mampu membeli kereta-kereta buatan luar negara.

“Kalau ditanya kenapa pasaran kereta Proton jatuh, jawabannya ialah terlalu banyak kereta luar masuk tanpa sekat. Semua jenis kereta masuk terutama dari Jepun serta Korea dan pada masa yang sama perlindungan terhadap industri kereta Proton tidak kuat.

“Memang kita terpaksa bersaing tetapi masalahnya ialah cukai yang dikenakan untuk kereta luar masih terlalu murah,” tambahnya.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, beliau akan mendapatkan maklumat lanjut berhubung pembatalan pelaburan RM7.6 bilion oleh Petrolia Nasional Bhd. (Petronas) di Iran.

Beliau yang merupakan Penasihat Petronas berkata, Petronas pada dasarnya tetap mempunyai minat untuk melabur dalam projek gas asli cecair (LNG) di negara tersebut.

“Penarikan 20 peratus pelaburan bernilai RM7.6 bilion itu mungkin ada sebab-sebab tertentu. Tetapi saya tidak tahu, namun saya akan mendapatkan maklumat lanjut tentang perkara itu,” katanya.

Semalam, akhbar utama negara itu, Jam-e Jam yang memetik kenyataan Ketua National Iranian Gas Export Company, Rokneddin Javadi melaporkan Petronas tidak lagi berminat terhadap pelaburan tersebut.



DR. MAHATHIR

Rokneddin berkata, 20 peratus pegangan Petronas mungkin akan diberikan kepada syarikat Perancis, Total yang mempunyai 50 peratus pegangan dalam projek tersebut.

Petronas, Total dan National Iranian Oil Company memeterai perjanjian untuk projek itu pada 8 Disember tahun lepas di London.